



# E - B U L E T I N S P R M



## **DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL**

Angkat Sumpah Sebagai  
Ketua Pesuruhjaya SPRM Ke-13



3

**TAKLIMAT  
AGENDA ANTIRASUAH NASIONAL**



5

**MACC.FM**



9

**LENSA**



KANDUNGAN

Segmen Khas ..... 2

Pengurusan Tertinggi SPRM ..... 2

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah ..... 3

@Konti Macc Fm ..... 5

Berita SPRM..... 7

Lensa SPRM ..... 11

Aktiviti-Aktiviti Pencegahan SPRM ..... 21

Kenali SPRM ..... 27

Sudut Ilmu:

Dari Buku Menangani Rasuah Dalam Perolehan Rasuah ..... 28

Santai SPRM ..... 29

SIDANG REDAKSI

PENERBIT

KPj Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull

PENERBIT EKSEKUTIF

TKPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

PENASIHAT EKSEKUTIF SIDANG REDAKSI

TPj Tuan Ruslan bin Tuan Mat

KETUA PENGARANG

PKPj Norizan binti Abu Samah

PENGARANG

PPj Jayantha Kumar Sen Gupta

WARTAWAN

Ps Faarzana binti Mohd Fauzi  
PPs Noordiana Yohana binti Tawhid  
Bahagian Komunikasi Strategik

PEREKA GRAFIK

PPs Nur Irwan bin Abd Rahman  
Jamsharina Aini binti Marhaban

UNIT FOTO

Rosman bin Abu Bakar  
Bahagian Komunikasi Strategik

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari".

Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.

Pena Pengarang



Assalamualaikum WBT,

Salam Sejahtera dan Salam Perangi Rasuah.

Selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum ke-14, SPRM telah melalui satu detik penghijrahan dalam pucuk kepimpinan badan pencegahan rasuah ini. Selaras dengan kepimpinan baharu di peringkat pentadbiran kerajaan Malaysia, ucapan tahniah kepada YAB Tun Mahathir Mohamad dan barisan kepimpinan beliau dalam menjalankan amanah sebagai Perdana Menteri ke-7. Selamat maju jaya Tun Mahathir, daripada warga SPRM.

Di sini juga saya mengambil kesempatan bagi pihak warga SPRM dengan mengalu-alukan Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu bagi menerajui kepimpinan SPRM berkuatkuasa 18 Mei 2018. Semoga kepimpinan beliau akan meneruskan usaha serta semangat membasmi rasuah serta membawa SPRM ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan unggul.

Pencegahan rasuah sememangnya memerlukan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan suasana serta persekitaran yang bebas serta kebal daripada gejala rasuah. **Menerusi pengenalan tagline terbaharu, Rasuah Dihina, Maruah Dibina**, pihak SPRM pada 2018 telah meneruskan misinya dalam meningkatkan serta meluaskan usaha memperkasakan pencegahan rasuah di seluruh negara. Usaha SPRM akan memperlihatkan keterlibatan semua pegawai SPRM dalam program-program khusus.

Edisi e-buletin SPRM kali ini memaparkan pelbagai usaha strategi pencegahan SPRM yang melibatkan sektor awam dan swasta dalam membangunkan lapisan masyarakat yang akan kental dalam menghindari rasuah dan salah guna kuasa. Antara usaha adalah Program Konvensyen Mahasiswa Antirasuah (KoMawAR) yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di seluruh negara, Ikrar Bebas Rasuah dan pelbagai usaha lain.

Sekiranya akar dan minda disuburi serta dipupuk dengan baja integriti, maka berdiri tegak, kuat dan megah masyarakat Malaysia. Akhir kata, ayuh warga Malaysia! Kita bulatkan tekad dan hadapi apa jua halangan dan ujian yang mendatang dengan semangat sehati sejiwa membanteras jenayah rasuah di negara ini. Semoga tahun 2018 membawa kejayaan yang lebih bermakna kepada SPRM dan warga Malaysia.

TPj TUAN RUSLAN BIN TUAN MAT  
(Penasihat Eksekutif Sidang Redaksi)



SEGMENT KHAS

TAHNIH DAN SELAMAT DATANG DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL KP SPRM KE-13

KRONOLOGI PELANTIKAN

21 MEI

Menerima lantikan dan melapor diri di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyandang jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang ke-13



Menyampaikan amanat di Majlis Perhimpunan Khas

23 MEI

6 JULAI

Mengangkat sumpah di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V, di Istana Negara selaras dengan subseksyen 5(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694)



PENGURUSAN TERTINGGI SPRM



KETUA PESURUHJAYA  
KPJ DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (OPERASI)  
TKPJ DATUK SERI AZAM BIN BAKI



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENCEGAHAN)  
TKPJ DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME)  
TKPJ DATO' JA'AFAR BIN MAHAD



# MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTIRASUAH SIRI 2 BIL. 2 TAHUN 2018

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 2 Bil. 2 Tahun 2018 kepada Menteri Kabinet dan Ahli Parlimen di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada 9 Julai lalu.

## 6 Kertas Pertimbangan Telah Dibentangkan:

Dasar Perisytiharan Harta  
oleh Anggota Pentadbiran

Pemijudan Peruntukan  
Undang-undang Mengenai  
Kesalahan Salah Laku oleh Pegawai  
Badan Awam

Hasil Kajian Mengenai Pemijudan  
Rang Undang-undang Mengenai  
Pembiayaan Politik

Dasar Penerimaan Hadiah  
oleh Anggota Pentadbiran

Status Pelaksanaan 21 Aku Janji  
oleh Agensi Pelaksana

Status Mengenai Tiga Isu Utama  
Berkaitan Governans, Integriti dan  
Perlakuan Rasuah di  
Kementerian/Jabatan/Agensi

## JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTIRASUAH

Pelaksanaan gerakan pemantapan governans, integriti dan antirasuah sistem pengurusan pentadbiran kerajaan di peringkat kebangsaan melibatkan penubuhan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa Antirasuah (JAR).

JKKMAR ditubuhkan bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- Menimbang dan menentukan dasar berhubung dengan pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan;
- Memantau dan menilai kecekapan pelaksanaan dan keberkesanan dasar, undang-undang, peraturan dan sistem prosedur bagi memantapkan governans, integriti dan antirasuah sistem pengurusan pentadbiran kerajaan; dan
- Menimbang dan meluluskan cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli JKKMAR dan JAR Peringkat Kebangsaan berhubung pelaksanaan inisiatif dan tindakan penambahbaikan mengenai pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran kerajaan.

Mesyuarat JKKMAR perlu diadakan tidak kurang daripada tiga kali setahun berdasarkan ketetapan Pengerusi Mesyuarat JKKMAR. Walau bagaimanapun, bagi enam bulan pertama penubuhannya iaitu bermula Jun 2018 hingga November 2018, Mesyuarat JKKMAR akan bersidang pada setiap bulan.

# TAKLIMAT AGENDA ANTIRASUAH NASIONAL

## Anjuran Bersama SPRM & GIACC



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan program Taklimat Agenda Antirasuah Nasional bagi memberi penerangan berkaitan isu rasuah kepada Menteri Kabinet dan Ahli Parlimen Kerajaan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 10 Julai lalu.

Program yang melibatkan 160 anggota pentadbiran kerajaan dan Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) adalah julung kali diadakan dan mengumpulkan hampir kesemua Ahli Parlimen dalam PH.



**"Kita harus mempamerkan diri sebagai pemimpin yang berwibawa, amanah, berintegriti dan tidak bertoleransi dengan jenayah rasuah"**

YAB. Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia

## 5 PEMBENTANGAN UTAMA UNTUK AHLI PARLIMEN MALAYSIA







## PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI KONTI MACC.FM (10 JULAI 2018)

Kunjungan rasmi oleh Yang Amat Berhormat, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail KE MACC.fm sekaligus menyampaikan pesan bersempena program Taklimat Agenda Antirasuah Nasional.



Tun Dr. Mahathir menekankan bahawa kerajaan baharu akan bersama-sama SPRM mencegah rasuah terutamanya dalam pentadbiran negara dan mengharapkan kerjasama rakyat untuk tampil membuat laporan sekiranya berlaku gejala rasuah. Bagi beliau, pemberi maklumat adalah penting dalam usaha membasmi rasuah.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah turut memberi pandangan bahawa masa yang terbaik untuk menerapkan nilai-nilai membenci antirasuah kepada anak-anak muda adalah sebaik-baiknya dari awal peringkat umur. Beliau turut menekankan supaya rakyat Malaysia menjadi mata dan telinga kepada SPRM dan tidak perlu merasa takut untuk tampil kerana terdapat Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.



Pengarah Pusat Komunikasi, Program Bintang & Antarabangsa, Institut Integriti Malaysia, Dr. Manimaran Govindasamy berpeluang ke udara bersama MACC.FM pada 24 April 2018.



'Slot Chit Chat Wednesday' pada 18 Julai menampilkan Raymond Ram, Pengarah Urusan Graymatter Forensic Advisory Sdn. Bhd. sebagai tetamu jemputan. Beliau ke udara bersama DJ Jay dan DJ Kumar dengan topik 'Fraud Risk Management'.



Slot Inspirasi: 30 Julai yang lalu bersama tetamu Pn Intan Farhana Numan, Penulis Novel "Emneya". Beliau ditemubual secara langsung bagi berkongsi berkenaan topik "BANGKIT".

Muhd Ridhwan Rosli (Ahli Parlimen Belia 2014-2017) & Azizul Hakim Abdul Aziz (Ahli Fellow Perdana) ke udara di MACC.fm melalui 'Slot Tetamu' pada 10 April 2018 dengan topik, Anak Muda dan Rasuah.



Bersempena dengan Program 'Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Million Messages' yang berlangsung pada 7 Julai 2018, MACC.fm menjemput Ketua Penyelaras Program, PPj. Suryani Ali bagi berkongsi tentang program tersebut.





**MACC CALLS ROSMAH TO RECORD STATEMENT**  
(Malay Mail, 2 Jun 2018)

**KUALA LUMPUR** - Datin Seri Rosmah Mansor has been summoned by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to have her statement recorded on Tuesday.

Rosmah's lawyer Datuk Geethan Ram Vincent confirmed that the wife of Datuk Seri Najib Razak has been called to help in investigations into 1Malaysia Development Bhd-linked (1MDB) SRC International Sdn Bhd.

**WANG TUNAI, KENDERAAN MEWAH RM5 JUTA DIRAMPAS**  
(Mingguan Malaysia, 3 Jun 2018)

**KUALA LUMPUR** - Beberapa individu sedang diburu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penahanan dua pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama wang tunai RM1.75 juta dan lebih 10 kenderaan mewah bernilai hampir RM3 juta dalam operasi yang bermula kelmarin hingga semalam.

Menurut sumber, kesemua individu yang diburu terdiri daripada orang awam dan seorang pegawai kanan Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET).



**2 pegawai polis direman, wang RM1.75j dirampas**

SEBAGIAN daripada wang tunai RM1.75 juta yang dirampas di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

SPRM reman dua pegawai kanan polis, bursi beberapa lagi individu.  
Mereka diburu merupakan orang awam dan seorang pegawai kanan Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET).

Wang tunai RM1.75 juta, lebih 10 kenderaan mewah bernilai hampir RM3 juta dirampas dalam operasi yang bermula kelmarin.  
Difahamkan, kesemua wang dipercayai diperolehi daripada sindiket judi.



**ABU KASSIM TERAJUI GIACC**  
(Kosmo, 2 Jun 2018)



**PUTRAJAYA** - Bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim dilantik untuk menerajui Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pusat itu bertujuan untuk menyelaras dan memantau semua aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah di negara ini.

Pusat itu juga bertanggungjawab dalam merancang, menggubal strategi dan menilai polisi dalam memastikan semua urusan kerajaan dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah.

**SPRM TAHAN DUA PEGAWAI POLIS BANTU SIASATAN KES RASUAH**  
(Kosmo, 2 Jun 2018)

**KUALA LUMPUR** - Dua anggota pegawai kanan polis berpangkat Asisten Komisioner dan Asisten Superintendan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sebuah kedai membaiki kereta di Sunway, Petaling Jaya di sini kelmarin.

Kedua-dua pegawai kanan dari unit Pasukan Tindakan Khas Antimaksiat, Judi dan Gengsterisme (STAGG) Bukit Aman itu ditahan kira-kira pukul 1.30 petang.

Sumber memberitahu, turut ditahan di lokasi berkenaan ialah seorang orang awam bersama wang tunai sebanyak RM341,000.

**SPRM SERBU TIGA SYARIKAT**  
(Utusan Malaysia, 19 Julai 2018)

**KUALA LUMPUR** - Beberapa syarikat yang mempunyai kaitan dengan projek Saluran Paip Pelbagai Produk (MPP), Saluran Paip Gas Trans-Sabah (TSGP) dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diserbu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini.

Menurut sumber, kesemua syarikat yang terletak di 13 lokasi di Lembah Klang diserbu bagimemperoleh beberapa dokumen berkaitan.

**AKAUN NAJIB DIBUKA SEMULA**  
(Kosmo, 18 Julai 2018)



**PUTRAJAYA** - Akaun peribadi milik bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dibekukan sebelum ini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mula dibuka sejak semalam.

Menurut sumber, akaun tersebut tidak lagi dibekukan kerana tiada kaitan dalam siasatan membabitkan SRC International Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

**SPRM KELUAR WARAN TANGKAP DUA PENGARAH EKSEKUTIF 1MDB**  
(Kosmo, 20 Julai 2018)

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan telah mengeluarkan dua waran tangkap terhadap dua bekas Pengarah Eksekutif 1Malaysia Development Bhd.(1MDB).

Dua waran tangkap tersebut dikeluarkan atas nama Jasmine Loo Ai Swan dan Casey Tang Keng Chee.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Azam Baki ketika dihubungi semalam telah mengesahkan perkara tersebut.

Difahamkan Jasmine Loo dan Casey Tang dikehendaki bagi membantu siasatan berhubung skandal 1MDB.

**ENAM DITAHAN SPRM**  
(Utusan Malaysia, 18 Julai 2018)

**JOHOR BAHRU** - Bekas Penolong Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Johor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri bagi membantu siasatan berkaitan tuntutan palsu.

Penahanan wanita berusia 30 tahun itu dilakukan di pejabat SPRM Johor di sini, kira-kira pukul 11 pagi susulan penahanan lima kontraktor lelaki dari syarikat berasingan berhubung kes yang sama, malam tadi.

Menurut sumber SPRM, wanita itu didapati bersubahat dengan semua kontraktor terbabit dalam membuat tuntutan palsu berkaitan kerja penganjuran beberapa program yang tidak dilaksanakan dua tahun lalu.

**SPRM HANYA SIASAT JIKA ADA MAKLUMAT KUKUH, BERASAS**  
(BERITA HARIAN, 17 JULAI 2018)

**MELAKA** - Siasatan terhadap Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun hanya akan dijalankan jika bukti kukuh diterima berhubung laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membiayai majlis perkahwinan anaknya, awal bulan ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull berkata, pihaknya belum menerima sebarang laporan berkaitan dakwaan terbabit.



**KENYATAAN MEDIA MINGGU INI**

ISU PEMBEKUAN DAN PELEPASAN AKAUN BANK BEKAS PM

18 JULAI 2018

\*BACA KENYATAAN MEDIA PENUH DI PORTAL SPRM  
[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



# LAPORKAN RASUAH



## ANDA DILINDUNGI

Di bawah  
Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010  
dan Akta Perlindungan Saksi 2009



Laman Web / Web Portal:  
[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)

**RASUAH** **DIHINA**  
**MARUAH** **DIBINA**

**RASUAH** **DIHINA**  
**MARUAH** **DIBINA**

SEKIRANYA BERMINAT,  
BOLEH DAPATKAN  
POSTER-POSTER  
SPRM DI BAHAGIAN  
PENDIDIKAN  
MASYARAKAT, IBU  
PEJABAT SPRM  
PUTRAJAYA.



Laman Web / Web Portal:  
[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



15  
MEI  
2018



Rakaman Program Tazkirah Malam Jumeat  
Kerjasama Bersama Astro Oasis  
di Pejabat SPRM.

Turut Hadir Datuk Seri Azam bin Baki,  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM dan  
antara panel adalah Datuk Seri Abu Hassan Din  
Al-Hafiz, Dr. Hj Mohd Farid Ravi Abdullah,  
Uetazah Iefediah binti Mohd Dasuki dan  
Muhammad Hafiz bin Mohd. Haneefa serta Amin  
Idris sebagai moderator.



23  
MEI  
2018



Amanat Khas  
Ketua Pesuruhjaya SPRM  
YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull  
di Majlis Perhimpunan Khas  
di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat SPRM.

Antara saranan beliau adalah warga SPRM hendaklah  
berganding bahu bagi mengekalkan perpaduan,  
kerjasama dan nilai toleransi, mempamerkan imej  
positif dan berdisiplin pada setiap masa.





30  
MEI  
2018

Majlis Berbuka Puasa Warga SPRM Bersama  
Pelajar-pelajar Maahad Tehfiz Al-Furqan  
dan Pesara SPRM



07  
JUN  
2018

Majlis Berbuka Puasa SPRM  
bersama Produksi Drama Banteras





05  
JUL  
2018

Majlis Aidilfitri SPRM  
di Ibu Pejabat SPRM



09  
JUL  
2018



Program 'Walk, Stop, Talk Six Hours Quarter Million Messages'  
Anjuran Bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Telah Mendapat Pengiktirafan Daripada The Malaysia Book of Records.

Pengiktirafan The Malaysia Book of Records Edaran 219,919 Risalah Antirasuah Dalam Tempoh Enam Jam Secara Serentak di 262 Lokasi Di Seluruh Negara Melibatkan 1000 Peserta.





11  
JUL  
2018

Lawatan oleh Peserta Program  
"Training On Anti-Corruption Studies"  
For CIAA Nepal Officers



21  
JUL  
2018

Lawatan oleh Junior Chamber International  
Kuala Lumpur Yang Melibatkan Peserta Tempatan  
Dan Antarabangsa






RADIO STREAMING

**MACC** fm

My Anti-Corruption Channel

streaming :  
**www.macc.fm**

MACC fm also available at :



facebook.com/maccfm



Laman Web / Web Portal:  
[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)

**RASUAH DIHINA  
MARUAH DIBINA**

# KAPTEN MACC

(Malaysian Anti-Corruption Commission)



**RASUAH DIHINA  
MARUAH DIBINA**

Laman Web / Web Portal:  
[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)



# AKTIVITI PENCEGAHAN

## BUKU SEJARAH SPRM 'SEJARAH PERJUANGAN SPRM : SATU PERJALANAN DINOBTAKAN ANUGERAH BUKU ILMIAH POPULAR 2017 MPIM



Buku berjudul Sejarah Perjuangan SPRM yang mengisahkan sejarah awal penubuhan serta dokumentasi berhubung Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dinobatkan sebagai Buku Ilmiah Popular bagi tahun 2017.

Pengiktirafan tersebut diumumkan pada Program Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MPIM) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 29 April lalu.

Buku ilmiah ini dihasilkan oleh tiga orang ahli akademik iaitu, Prof Madya Dr Zulkanain Abd Rahman, Dr Ahmad

Kamal Ariffin Mohd Rus dan Dr Noor Ain Mat Noor. Menurut Ketua Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Puan Norizan Abu Samah, buku yang mempunyai 396 halaman itu mengisahkan sejarah SPRM dari tahun 1967 sehingga 2017. Katanya, buku ini dilihat sebagai dokumentasi rasmi yang menceritakan kewujudan

Badan Pencegahan Rasuah (BPR) sehingga is menjadi agensi antirasuah tunggal negara iaitu SPRM. Buku Sejarah Perjuangan SPRM merupakan karya penulisan pertama yang menyentuh sejarah undang-undang jenayah rasuah serta pencapaian institusi pencegahan rasuah di Malaysia yang merentas zaman.



## TPM SOKONG USAHA PENCEGAHAN RASUAH SPRM



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Shamshun Baharin Mohd. Jamil telah mengadakan kunjungan hormat terhadap YAB. Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di Pejabat Timbalan Perdana Menteri pada 28 Jun lalu.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk memantapkan ruang kerjasama antara SPRM dengan YAB. Timbalan Perdana Menteri khususnya dalam memartabatkan program pencegahan rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

Dalam pertemuan tersebut, Dato' Seri Dr. Wan Azizah turut menyatakan sokongannya kepada SPRM dalam usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa serta akan komited dalam mempertahankan nilai-nilai integriti yang tinggi.

Beliau juga menyatakan hasrat agar SPRM akan memberi penekanan untuk menangani gejala rasuah terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah turut menyokong program Walk Stop Talk: Six Hours Quarter Of A Million Messages" yang bakal berlangsung pada 7 Julai 2018 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Program ini bakal mendapat pengiktirafan The Malaysia Book Of Records 2018 yang mana turut melibatkan Ahli Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPR) dan Institut Perguruan Guru (IPG) di seluruh negara.



# AKTIVITI PENCEGAHAN

## JALINAN SPRM, KBS DAN GIACC TINGKATKAN KERJASAMA PENCEGAHAN RASUAH

Mesyuarat Task Force Pelaksanaan Projek Pembangunan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat sebagai platform memperkukuhkan kerjasama untuk mencegah rasuah sehingga ke akar umbi di kementerian berkenaan.

Mesyuarat tersebut yang berlangsung pada 23 Julai itu dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB. Syed Saddiq Syed Abdul Rahman serta dihadiri oleh wakil-wakil agensi di bawah KBS, GIACC dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di Pejabat KBS. Dalam pertemuan tersebut, SPRM yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd. Jamil memberikan penerangan berkaitan strategi membanteras rasuah menerusi kaedah penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Di samping itu, beberapa perkara juga telah dibangkitkan serta dicadangkan supaya ruang dan peluang melakukan kegiatan rasuah dalam kementerian dapat dikurangkan secara maksimum. Antara perkara yang dikemukakan ialah cadangan bagi menambah baik tadbir urus dan memperkukuhkan sistem integriti dalam KBS. Pengerusi juga mengemukakan cadangan untuk melantik Ketua Unit Integriti di KBS dan berharap mesyuarat ini dapat dijadikan platform kerjasama semua pihak.

Turut hadir Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB. Steven Sim Chee Keong; Ketua Setiausaha KBS, Dato' Lokman Hakim Ali; Pengarah Bahagian Siasatan, Dato' Simi Abdul Ghani; Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Datuk Hj. Abd. Aziz Aban; Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan; Dato' Nor Azmi Karim serta Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Dato' Junipah Wandu.



## MRT JALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SPRM



"Saya menyambut baik peluang kerjasama MRT bersama SPRM untuk membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam industri pengangkutan di Malaysia," katanya ketika menerima kunjungan hormat pegawai MRT yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT, Dato' Sri Shahril Mokhtar di Ibu Pejabat SPRM pada 27 Julai lalu.

Mass Rapid Transit (MRT) telah menyuarakan hasrat untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha mencegah penyelewengan dan salah guna kuasa dalam agensi itu. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri Abdull berkata, SPRM mengalu-alukan kerjasama dan bantuan pihak MRT dalam usaha untuk membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam industri pengangkutan di Malaysia.

Sementara itu, Dato' Sri Shahril turut mengucapkan terima kasih kepada SPRM serta menyatakan bahawa isu rasuah dan salah guna kuasa perlu ditangani bermula dari Pengurusan Tertinggi hingga ke peringkat bawahan.

"Saya berharap SPRM dapat bersama-sama MRT untuk bekerjasama dalam melaksanakan program kesedaran yang memfokuskan terhadap integriti dalam organisasi supaya wujud kesedaran bagi membanteras gejala rasuah ini terutamanya dalam kalangan kontraktor," katanya.



## IKRAR BEBAS RASUAH

### PEMIMPIN JANGAN SESEKALI TERLIBAT RASUAH

Pemimpin Kerajaan Negeri Melaka dinasihatkan agar tidak mengkhianati kepercayaan rakyat yang telah memilih mereka dengan melibatkan diri dengan rasuah. Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull berkata, rakyat memilih pemimpin baharu kerana mereka yakin dan mahu pemimpin berkenaan berjuang menghapuskan rasuah.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Sesi Lafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama Ketua Menteri, Barisan Exco, Ex-Officio dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kerajaan Negeri Melaka pada 16 Julai yang lalu.

Pada majlis tersebut, seramai 16 Exco, Ex-Officio dan ADUN Kerajaan Negeri Melaka telah melafazkan IBR sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd. Shukri Abdull.



### FMM ZAHIR KOMITMEN PERANGI RASUAH BERSAMA SPRM

Kakitangan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) telah menzahirkan komitmen dalam menyokong usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa bersama SPRM dengan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 2 Julai yang lalu.

Usaha ini melambangkan komitmen organisasi tersebut dalam menyokong inisiatif SPRM dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Seramai 60 orang yang terdiri daripada pengurusan kanan, kakitangan peringkat profesional serta sokongan FMM telah melafazkan IBR dan beriltizam untuk bekerja dengan jujur dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Lafaz ikrar ini diketuai oleh Presiden FMM, Dato' Soh Thian Lai dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil.



## IKRAR BEBAS RASUAH

### IKRAR BEBAS RASUAH DI SARAWAK, PULAU PINANG & SELANGOR



Warga kerja Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Kuching, Sarawak telah menzahirkan komitmen untuk bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha pembanteras rasuah dengan melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 3 Mei lalu.

Seramai 85 orang pegawai dan kakitangan PKB telah melafazkan ikrar yang dipimpin oleh Pakar Perubatan Keluarga, Dr. Milna binti Mustapha di Bilik Seminar, Klinik Kesihatan Petrajaya.



Sementara itu, pegawai dan kakitangan Bank Islam Pulau Pinang turut mengambil inisiatif menandatangani IBR pada 28 April lalu. Pada majlis tersebut, Pengurus Operasi Wilayah Utara, Tuan Haji Abdul Ghani Abdul Wahab telah mengetuai lafaz ikrar bersama 70 kakitangannya dan disaksikan Timbalan Pengarah (Operasi) SPRM Pulau Pinang, KPKPj Tuan Ch'ng Soon Heng.



Manakala warga kerja Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Selangor turut menyahut seruan SPRM dengan menandatangani IBR pada 27 April lalu.





## KUNJUNGAN HORMAT SPRM TERENGGANU

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Terengganu telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Besar Terengganu pada 27 Mei lalu. Kunjungan itu diketuai oleh Pengarah SPRM Negeri Terengganu, KPKPj Mohd. Zaki Hassan dan telah disambut oleh Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar di pejabat beliau.

Tujuan kunjungan ini ialah untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama bagi mengadakan program-program penerangan berkenaan undang-undang serta pencegahan rasuah dalam kalangan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri.

## WACANA ILMU SPRM PERLIS



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perlis telah mengadakan Program Wacana Ilmu bersama penjawat awam Negeri Perlis sempena menyambut bulan Ramadan yang bertempat di Bilik Mesyuarat A, Bangunan Persekutuan Kangar, Perlis pada 16 Mei lalu.

Antara pengisian program tersebut ialah taklimat berkaitan pencegahan rasuah yang disampaikan oleh Pengarah SPRM Negeri Perlis, KPKPj Mohd. Shukor Mahmud.

Seterusnya turut diadakan ialah ceramah oleh Mubaligh Jabatan Mufti Negeri Perlis, Ustaz Hanafy Zakaria yang menyampaikan tazkirah bertajuk 'Persediaan Jiwa dan Roh Dalam Melalui Bulan Ramadan' kepada 65 pegawai dan kakitangan.

## JALINAN MESRA DI SARAWAK

## IBR DI MELAKA DAN LABUAN



Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak, TPj Razim Mohd. Noor, telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) Kuching, Sarawak pada 14 Mei lalu.

Kunjungan hormat tersebut disambut oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman), YB. Datuk Hj. Talib Zulpilip di pejabat beliau. Tujuan kunjungan ini ialah untuk mengeratkan hubungan antara Pengarah SPRM Sarawak yang baharu bersama Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) Sarawak.



Manakala pada 26 April lalu, seramai 40 warga Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Melaka turut melafaz dan menandatangani IBR. Lafaz ikrar telah dipimpin oleh Pengarah SSM Negeri Melaka, Azrin Mohd. Ripin dan disaksikan oleh Pengarah SPRM Negeri Melaka, KPKPj Abu Talib Othman. Inisiatif ini melambangkan keutuhan warga kerja SSM Melaka dalam menyokong usaha memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa bersama SPRM.

Sementara itu, pada 3 Mei 2018, seramai 16 warga Bank Rakyat Cawangan Labuan telah menzahirkan sokongan terhadap usaha pencegahan rasuah dengan melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Lafaz ikrar telah dipimpin oleh Pengurus Bank Rakyat Cawangan Labuan, Suhaimi Jainulah dan disaksikan oleh Pengarah SPRM Labuan, PPj Abdulamin Hj. Abdillah.



# KENALI SPRM

## BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT (PENMAS)

Bahagian Pendidikan Masyarakat diwujudkan bagi menjalankan fungsi dan peranannya mengikut:

- 1) Seksyen 7(f) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu bagi mendidik orang ramai untuk menentang rasuah.
- 2) Seksyen 7(g) iaitu mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Fokus:

Memberi pendidikan berterusan kepada setiap struktur masyarakat melalui pelaksanaan program-program pendidikan yang bertujuan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha pencegahan rasuah yang dijalankan oleh SPRM.



Konvensyen Mahasiswa Antirasuah (KoMawAR)



IBR CERAMAH WAR PAMERAN



# SUDUT ILMU

## DARI BUKU MENANGANI RASUAH DALAM PEROLEHAN KERAJAAN



APAKAH ITU PEROLEHAN KERAJAAN?



- Urus niaga pembelian oleh pihak kerajaan.
- Melibatkan syarikat atau organisasi besar, syarikat kecil atau perniagaan perseorangan.
- Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada kerajaan boleh terdiri daripada sekecil-kecil barang seperti alat tulis dan kelengkapan pejabat sehingga pembinaan bangunan sekolah, hospital, lapangan terbang atau projek mega milik kerajaan.

### TIGA KATEGORI PEROLEHAN KERAJAAN

#### KERJA

Melibatkan kerja-kerja pembinaan seperti bangunan, lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan, empangan air, kerja.

#### BEKALAN

Merangkumi barangan/ peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek kerajaan seperti makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat.

#### PERKHIDMATAN

Ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek tertentu. Bidang perkhidmatan terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan perunding dan bukan perunding.


**"MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT (PREVENTION IS BETTER THAN CURE). MENCEGAH & MENDIDIK ADALAH TINDAKAN PROAKTIF DIMANA PENGLIBATAN DAN SOKONGAN MASYARAKAT ADALAH AMAT PENTING."**

TPj Tuan Ruslan Bin Tuan Mat Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat



## Malam Puisi Rasuah

- Menyebarluaskan mesej antirasuah melalui deklamasi puisi pada 20 November 2017.
- Kerjasama strategik di antara SPRM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Pemuisi-pemuisi terkenal tempatan bergabung bersama pegawai-pegawai kanan SPRM untuk mendekati rakyat melalui sastera dan budaya.
- Antara puisi yang didendangkan berkait dengan isu rasuah dan integriti bukan sahaja dalam aspek pekerjaan dan penjawatan, bahkan dalam sekecil-kecil perbuatan.



## TEATER BAHARA EMAS

- Teater sulung SPRM sempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 BPR/SPRM.
- Kerjasama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Istana Budaya dan CTRA Production.
- Ditulis dan diarahkan oleh Dekan Fakulti Teater ASWARA, Cik Rosminah Mohd Tahir.
- Mesej mengenai bahaya rasuah yang kritikal sehingga mampu meruntuhkan sebuah kerajaan yang hebat seperti Kesultanan Melayu Melaka di abad ke-15 Masihi.
- Turut mencemar duli, Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah.





# RASUAH DIHINA MARUAH DIBINA



Ibu Pejabat SPRM  
No. 2, Lebuh Wawasan,  
Presint 7, 62250 Putrajaya.  
Tel : 03-8870 0000 | Faks: 03-8870 0901

[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)